



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SESI VERIFIKASI  
PENTAULIAHAN OLEH PANEL PENILAI PENTAULIAHAN  
PROGRAM KEMAHIRAN (PPPK) DALAM TEMPOH PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PKP BERSYARAT (PKPB) DAN  
PKP PEMULIHAN (PKPP) SEPANJANG KRISIS PANDEMIK  
COVIC-19 MELALUI PENILAIAN SECARA DALAM TALIAN**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Garis Panduan ini diwujudkan sebagai rujukan kepada Penyedia Latihan Kemahiran (PLK), Pusat Bertauliahan (PB) dan Panel Penilai Petauliah Program Kemahiran (PPPK) yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti verifikasi petauliahannya secara dalam talian (online) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihran (PKPP) kesan daripada krisis pandemik COVID-19 yang sedang berlaku.
- 1.2 Sepanjang pelaksanaan PKP semua aktiviti pergerakan dan perjumpaan bagi menilai dan menentusahkan dokumen permohonan petauliahannya program adalah terbatas dan tidak boleh dilaksanakan kerana melibatkan perjalanan rentas daerah/ negeri dan perjumpaan secara bersemuka. **Garis Panduan ini hanya digunakan semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP berkuatkuasa dan perlu di baca bersama panduan terkini yang sedang berkuat kuasa.**

1.3 Pelaksanaan secara dalam talian ini merupakan pilihan kepada PLK/PB sekiranya berkemampuan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh JPK dalam garis panduan ini.

## **2. OBJEKTIF**

2.1. Tujuan panduan tambahan diadakan adalah untuk memastikan :

- i. PPPPK boleh melaksanakan penilaian verifikasi permohonan pentauliahan baharu, penambahan program dan pindaan program yang dikemukakan oleh PLK/PB semasa tempoh PKPB berkuatkuasa selaras dengan keperluan MS ISO 9001:2015;
- ii. Proses permohonan pentauliahan dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- iii. Hasil penilaian yang diperolehi memenuhi syarat yang ditetapkan.

## **3. SESI MESYUARAT PEMBUKAAN DAN PENUTUP**

3.1. Sesi mesyuarat pembukaan akan dikendalikan awal bagi tujuan memberi penerangan awal kepada PLK/PB sebelum sesi penilaian dilaksanakan, manakala sesi mesyuarat penutup akan memberi penerangan kepada PLK/PB berhubung hasil penemuan penilaian dan syor keputusan PPPPK.

3.2. *Host* akan bagi kedua-dua sesi mesyuarat yang hendak dijalankan secara dalam talian ini mengikut kesesuaian. Maklumat sesi yang hendak dilaksanakan akan dimaklumkan oleh JPK sebelum ianya dijalankan.

3.3. Kaedah mesyuarat dalam talian boleh dilakukan dengan cara berhubung menggunakan aplikasi dalam talian (online) yang memiliki fungsi panggilan video (Video call) seperti *Zoom*, *Webex*, *GoToMeeting*, *Telegram*, *WhatsApp*, *EasyClass*, *Skype* atau mana-mana aplikasi lain yang bersesuaian.

3.4. Tempoh masa setiap sesi mesyuarat bergantung kepada maklum balas dan penilaian yang dijalankan dan disyorkan mengikut kesesuaian bagi setiap sesi.

- 3.5. PLK/PB perlu menunjukkan dokumen permohonan pentauliahan program yang dipohon, kad pengenalan dan sijil asal personel pentauliahan dengan jelas dan mudah dilihat oleh PPPPK bagi tujuan penentusan.
- 3.6. PLK/PB perlu menyediakan semua dokumen berkaitan pelaksanaan latihan termasuk jadual pembelajaran, bahan pengajaran dan pembeajaran yang digunakan, bahan penilaian serta lain-lain maklumat yang diperlukan untuk penyemakan dan pengesahan PPPPK secara dalam talian.
- 3.7. PPPPK perlu menilai dokumen permohonan yang ditunjukkan dan melaksanakan sesi soal-jawab bagi menentukan status bukti dokumen tersebut.
- 3.8. PPPPK boleh menyemak secara rawak bahan pembelajaran bertulis mengikut mana-mana unit kompetensi (CU) atau secara keseluruhan CU mengikut program dipohon. PPPPK tidak boleh meminta salinan *softcopy* dokumen berkenaan tanpa kebenaran PLK/PB.
- 3.9. Bagi permohonan pentauliahan program Persijilan Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM) dan Tahap 5 (DLKM), PLK/PB hendaklah membuat pembentangan program mengikut keperluan yang ditetapkan tidak lebih daripada 25 minit pembentangan termasuk sesi soal jawab yang setiap program yang dipohon.
- 3.10. PPPPK perlu merekodkan (gambar) setiap sesi mesyuarat secara dalam talian bersama PLK/PB yang memaparkan masa dan tarikh penilaian dibuat bagi tujuan semakan JPK dan sokongan tuntutan personel.

#### **4. SESI LAWATAN PENILAIAN DALAM TALIAN**

- 4.1 PLK/PB hendaklah mengatur pelan lawatan dalam talian merujuk lokasi pengendalian latihan dan penilaian berhubung dengan program yang dipohon. Maklumat lawatan hendaklah dimaklumkan awal kepada PPPPK semasa sesi mesyuarat pembukaan.
- 4.2 Hanya personel pentauliahan yang merupakan pekerja tetap dan bekerja di PLK/PB serta berada dalam kawasan/ zon yang sama

dengan PLK/PB dibenarkan hadir sesi penilaian secara dalam talian ini. Bagi personel pentauliahan yang berada dalam zon yang berbeza atau menetap di luar, dibenarkan hadir secara dalam talian.

- 4.3 PLK/PB hendaklah sentiasa memastikan personel pentauliahan hadir secara fizikal semasa sesi penilaian mematuhi garis panduan (SOP) yang ditetapkan oleh MKN yang sedang berkuat kuasa.
- 4.4 PLK/PB hendaklah berupaya menyediakan platform dalam talian yang berfungsi baik sepanjang mengendalikan sesi verifikasi penilaian berkenaan.
- 4.5 Komunikasi yang dibenarkan bagi tujuan verifikasi penilaian dalam talian adalah menggunakan platform panggilan video sahaja seperti Zoom, Webex, GoToMeeting, Skype atau mana-mana aplikasi lain yang bersesuaian.
- 4.6 Tempoh masa sesi verifikasi penilaian secara dalam talian bagi setiap program adalah maksima 8 jam dan bergantung kepada bilangan program yang dipohon dalam permohonan yang dikemukakan. Sekiranya PLK/PB memohon lebih daripada satu (1) program, penjadualan sesi hendaklah dibuat mengikut giliran program dan dimaklumkan awal kepada pihak JPK.
- 4.7 Gambar dan video setiap sesi verifikasi secara dalam talian bersama PLK/PB yang memaparkan masa dan tarikh penilaian dibuat perlu direkodkan bagi tujuan semakan JPK.
- 4.8 PPPPK hendaklah menyediakan laporan verifikasi dan melengkapkan Laporan Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran setelah semua verifikasi selesai dilaksanakan serta menyediakan Laporan Aktiviti Verifikasi Secara Dalam Talian (Lampiran 2).
- 4.9 JPK berhak dari semasa ke semasa untuk memantau sesi verifikasi secara dalam talian ini pada bila-bila masa.

## 5. TERMA PELAKSANAAN VERIFIKASI DALAM TALIAN

- 5.1. Pelaksanaan verifikasi secara dalam talian dibenarkan bagi PLK/PB atau personel PPPPK yang berada dalam kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP.

- 5.2. Pelaksanaan verifikasi ini tertakluk kepada kesediaan dan keupayaan atau kemampuan PLK/PB dalam menyediakan keperluan perkakasan untuk akses secara atas talian.
- 5.3. PLK/PB dan PPPPK hendaklah memastikan perkakasan serta rangkaian telekomunikasi berfungsi dengan baik sebelum memulakan sesi berkenaan.
- 5.4. Maklumat sesi verifikasi dalam talian perlu dimaklumkan kepada pihak JPK dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh verifikasi yang ditetapkan. Perubahan tarikh verifikasi adalah tidak dibenarkan.
- 5.5. Maklumat sesi penilaian/ verifikasi hendaklah diemelkan kepada **Desk Officer** dan perlu mengandungi maklumat berikut:
  - i. Platform yang digunakan: Zoom/ Webex/ GoToMeeting/ Skype atau lain-lain (perlu dinyatakan);
  - ii. Pautan sesi dalam talian: (pautan pantas (*hyperlink*) untuk akses sesi dalam talian);
  - iii. Kata laluan: (Masukkan kata laluan untuk akses sekiranya ada)
  - iv. Tarikh dan masa: (Perlu merujuk Tarikh yang ditetapkan oleh *Desk Officer*)
- 5.6. Semua maklumat/ dokumen/ gambar atau video yang dipaparkan atau direkodkan secara atas talian semasa sesi verifikasi adalah bagi tujuan pentauliahan program Persijilan Kemahiran Malaysia sahaja. Maklumat/ dokumen/ gambar atau video yang dipaparkan oleh PLK/PB tidak boleh digunakan oleh mana-mana pihak khususnya personel atau pihak ketiga di luar sesi berkenaan.
- 5.7. Dokumen yang dipaparkan semasa sesi verifikasi hendaklah merupakan dokumen asal. Sekiranya salinan dokumen digunakan ianya hendaklah disahkan oleh majikan/ Pesuruhjaya Sumpah/ Jaksa Pendamai/ Ketua Kampung/ Penghulu/ Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- 5.8. Sesi dalam talian yang menggunakan aplikasi panggilan video hendaklah dirakam dan disimpan bagi tujuan semakan JPK. Pihak JPK pada bila-bila masa akan meminta salinan video berkenaan untuk tujuan pengesahan penilaian/ verifikasi dan tuntutan personel.
- 5.9. JPK tidak menanggung sebarang kos tambahan yang terlibat sekiranya pelaksanaan ini dijalankan.

## **6. TUNTUTAN PERSONEL**

- 8.1 PPPPK hanya layak mengemukakan tuntutan bayaran pakar sahaja bagi setiap penilaian yang dilaksanakan. Semua tuntutan merujuk kepada Pekeliling dan Peraturan Perbendaharaan semasa yang berkuatkuasa.
- 8.2 PPPPK tidak boleh mengemukakan sebarang tuntutan perjalanan sekiranya menggunakan kaedah verifikasi secara dalam talian ini.

## **7. TEMPOH KUATKUASA**

Garis panduan ini terpakai sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP mulai Januari 2021.

## **8. PENUTUP**

Pelaksanaan sesi verifikasi pentauliahan program Kemahiran semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP ini diharapkan dapat membantu PLK/PB dalam memastikan proses pentauliahan program Persijilan Kemahiran Malaysia dilaksanakan dan semua yang terlibat berada dalam keadaan selamat sepanjang tempoh ini.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Tarikh : Januari 2021